

07 FEBRUARI 2018

Penagih dicekup ketika sedang lepas gian

Penagih dicekup ketika sedang lepas gian

SUNGAI PETANI - Keasyikan sekumpulan 52 penagih dadah yang sedang melepaskan gian terbantut apabila kesemuanya diberkas apabila markas mereka diserbu sepasukan polis di sebuah ladang kelapa sawit dekat Taman Bandar Baru, Sungai Lalang di sini kelmarin.

Op Sarang selama tujuh jam bermula pada pukul 9 pagi itu dilakukan oleh Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) dan Ibu Pejabat Polis Daerah Kuala Muda selepas melakukan risikan sebaik menerima maklumat awam.

Ketua Polis Daerah Kuala Muda, Asisten Komisioner Saifi Abdul Hamid berkata, kebanyakan penagih dadah itu diberkas ketika berada dalam sebuah ladang kelapa sawit.

Katanya, kesemua penagih yang ditahan itu berumur antara 19 hingga 58 tahun.

"Selain menahan penagih dadah, kita turut merampas pelbagai jenis dadah seberat 25 gram dan wang RM327 yang dipercayai hasil jualan bahan khayal itu.

"Kita turut merampas sebuah motosikal curi yang dilaporkan hilang pada 8 Disember tahun lalu pada operasi tersebut. Tiga daripada yang diberkas merupakan pengedar dadah," katanya.

Kesemua yang ditahan positif dadah selepas menjalani ujian air kencing.

Kes disiasat mengikut Seksyen 39B dan 6 Akta Dadah Berbahaya 1952 serta Seksyen 3(1) Akta Penagihan Dadah 1983.



SAIFI (tengah) menunjukkan sebahagian dadah yang dirampas daripada 52 penagih dadah pada sidang akhbar di Sungai Petani semalam.